



**SIARAN MEDIA**  
**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

---

**MESYUARAT JAWATANKUASA PERINGKAT TERTINGGI**  
**PEMBANGUNAN DAN PEMERKASAAN INDUSTRI PERIKANAN**

---

**KUALA LUMPUR, 4 FEBRUARI 2026** – YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Tertinggi Pembangunan dan Pemerkasaan Nelayan (JPT-PPN) Bilangan 1 Tahun 2026 yang diadakan hari ini di Bilik Mesyuarat Utama, Blok Ahli Parlimen dan Pentadbiran, Parlimen. Mesyuarat ini menghimpunkan pelbagai wakil daripada kementerian, agensi kerajaan serta wakil pemain industri sektor perikanan.

JPT-PPN telah dijenamakan semula kepada Jawatankuasa Peringkat Tertinggi Pembangunan dan Pemerkasaan Industri Perikanan (JPT-PPIP) dengan memberi fokus kepada industri perikanan yang lebih menyeluruh meliputi perikanan tangkapan, perikanan darat dan akuakultur. Antara perkara utama yang dibincangkan dalam mesyuarat ini adalah berkenaan hala tuju membangunkan industri tuna yang sedang berkembang sebagai salah satu sumber kekayaan baharu negara. Turut sama dibincangkan adalah cadangan pembinaan kompleks pendaratan ikan di Hutan Melintang, Perak dan di Sandakan, Sabah yang bakal menyokong pertumbuhan industri perikanan di negeri tersebut.

YAB Timbalan Perdana Menteri menegaskan komitmen Kerajaan dalam menjamin kelestarian sumber laut, kesejahteraan nelayan dan pembangunan industri perikanan negara melalui pelaksanaan dasar secara menyeluruh, penyediaan fasiliti dan kemudahan yang lengkap, penggunaan teknologi moden serta penyediaan khidmat sokongan dan pembangunan kapasiti. Perikanan merupakan antara industri utama dalam agenda keterjaminan makanan negara. Industri ini bukan sahaja membekalkan protein makanan kepada masyarakat, malah menjadi sumber pendapatan kepada ratusan ribu keluarga.

**Dikeluarkan oleh:**

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

